

Anggota Umno Dinasihati Muzakarah, Elak Rebut Jawatan - Tengku Adnan Bernama
21 Julai, 2013

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Anggota Umno dinasihati bermuzakarah sesama sendiri bagi mengelak perebutan jawatan sepanjang pemilihan di peringkat cawangan yang sedang berlangsung sejak Isnin lepas hingga 30 Ogos ini.

Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata mereka perlu berpegang kepada Fasal 3 perlembagaan parti, yang antara lain menegaskan bahawa Umno merupakan sebuah parti politik yang menegaskan, mempertahankan dan mengembangkan agama Islam.

"Jadi dalam Islam duduk muzakarah dan berbincanglah siapa nak jadi ketua dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis berbuka puasa di surau As-Sodiqin, Taman Kobena, di sini Ahad.

Katanya dasar perjuangan parti itu adalah berteraskan al-Quran dan Sunnah, justeru mana-mana anggota yang ingin memegang jawatan dalam parti perlu mempunyai niat yang telus dan mengutamakan tanggungjawab kepada rakyat.

Terdahulu semasa berucap pada majlis itu, Tengku Adnan yang juga Menteri Wilayah Persekutuan, yakin masyarakat Cina di kawasan Parlimen Cheras mampu kembali kepada Barisan Nasional (BN) jika golongan itu diberi penjelasan dan diyakinkan semula mengenai usaha kerajaan BN memperjuangkan nasib semua pihak.

"Walaupun Cheras tak pernah sumbang kerusi (kepada BN), tetapi kerajaan sentiasa melihat dan perhati rakyat di sini," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965021>